

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
1 ¼ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____

SET 1

----- NAMA SEKOLAH -----

MODUL STRATEGI A+ PRINSIP PERAKAUNAN SPM 2025

Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda ingin menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

1 Antara berikut, yang manakah merupakan badan yang mempunyai kuasa tersendiri untuk mengubal dan menerbitkan piawaian perakaunan di Malaysia?

- A** Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- B** Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
- C** Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- D** Associations of Chartered Certified Accountants (ACCA)

2 Siapakah pengguna dalaman penyata kewangan?

- A** Bank
- B** Pelabur
- C** Kerajaan
- D** Pihak pengurusan

3 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu andaian perakaunan.

Perniagaan diandaikan beroperasi untuk tempoh masa yang tidak terbatas.

Andaian perakaunan ini merujuk kepada

- A** Entiti berasingan
- B** Usaha berterusan
- C** Tempoh perakaunan
- D** Wang sebagai ukuran

4 Antara berikut, yang manakah merupakan hasil operasi Kedai Runcit Pravin?

- A** Sewa diterima
- B** Komisen diterima
- C** Jualan barang niaga
- D** Bayaran gaji pekerja

- 5** Urus niaga yang manakah yang akan menambahkan ekuiti pemilik?
- I** Perabot kedai berkos RM500 dijual secara tunai RM580.
 - II** Mengeluarkan tunai pejabat RM1 200 untuk tujuan peribadi
 - III** Van peribadi RM20 000 dibawa masuk ke dalam perniagaan
 - IV** Barang berkos RM300 dijual secara kredit pada harga RM250
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan IV
 - D** III dan IV
-
- 6** Antara yang berikut, dokumen sumber yang manakah disediakan dalam satu salinan sahaja?
- I** Resit
 - II** Memo
 - III** Bil tunai
 - IV** Baucer pembayaran
- A** I dan II
 - B** I dan III
 - C** II dan IV
 - D** III dan IV
-
- 7** Urus niaga manakah yang akan dicatat dalam Jurnal Am?
- A** Membeli barang niaga secara kredit
 - B** Mengambil wang tunai untuk didermakan kepada anak yatim
 - C** Menjelaskan bayaran kepada pembekal bukan barang niaga
 - D** Membawa masuk kenderaan peribadi ke dalam perniagaan

- 8 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Kedai Bunga Aiqah.

Kod	Akaun	RM
1 Julai 2025	Jumlah penerimaan	350
1 hingga 31 Julai 2025	Jumlah pembayaran	300

Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah rekupmen panjar runcit yang perlu dibuat melalui cek pada 1 Ogos 2025?

- A RM50
 - B RM300
 - C RM350
 - D RM850
- 9 Antara berikut yang manakah merupakan Akaun Nominal?
- A Akaun Tunai dan Akaun Bank
 - B Akaun Mesin dan Akaun Alatan Pejabat
 - C Akaun Sewa dan Akaun Pulangan Jualan
 - D Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- 10 Pilih catatan bergu yang betul bagi urus niaga Kedai Nasi Ayam Abg Gemok.

Urus Niaga	Debit	Kredit
Jualan barang niaga secara tunai	Akaun Tunai	Akaun Jualan
Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri	Akaun Ambilan	Akaun Belian
Beli barang niaga secara kredit daripada Pemborong Sayur Muar	Akaun Pemborong Sayur Muar	Akaun Belian
Jual barang niaga secara kredit kepada SMK Puteri Ledang	Akaun Jualan	Akaun SMK Puteri Ledang

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11 Maklumat yang berikut diperoleh daripada Bella Trading.

2024		RM
Jan 1	Baki debit Lejar Jualan	17 600
Dis 31	Bayaran oleh Akaun Belum Terima	103 400
	Diskaun diberi	2 320
	Pulangan masuk	2 360
	Hutang lapuk	1 380
	Baki debit Lejar Jualan	19 360

Berapakah jualan kredit Bella Trading?

- A** RM72 940
 - B** RM94 580
 - C** RM107 460
 - D** RM111 220
- 12** Apakah fungsi Imbangan Duga?
- A** Menghitung jumlah hasil
 - B** Menyemak ketepatan catatan bergu
 - C** Mengira untung kasar dan untung bersih
 - D** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

- 13 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Firma Bukhary.

	RM
Alatan Pejabat	12 000
Kenderaan	15 000
Akaun Belum Terima	8 000
Bank	1 200

Berapakah jumlah aset bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM25 800
- B RM27 000
- C RM30 800
- D RM32 000

- 14 Pilih catatan penutupan yang betul bagi Akaun Komisen Diterima.

A Akaun Komisen Diterima

2025	RM	2025	RM
Mei 31 Akaun Perdagangan	6 000	Mei 31 Bank	6 000
	<u>6 000</u>		<u>6 000</u>

B Akaun Komisen Diterima

2025	RM	2025	RM
Mei 31 Akaun Perdagangan	6 000	Mei 31 Bank	6 000
	<u>6 000</u>		<u>6 000</u>

C Akaun Komisen Diterima

2025	RM	2025	RM
Mei 31 Akaun Untung Rugi	6 000	Mei 31 Bank	6 000
	<u>6 000</u>		<u>6 000</u>

D Akaun Komisen Diterima

2025	RM	2025	RM
Mei 31 Bank	6 000	Mei 31 Akaun Untung Rugi	6 000
	<u>6 000</u>		<u>6 000</u>

15 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar mengenai hutang lapuk terpulih?

- I** Merugikan perniagaan
- II** Dapat dikutip setelah dihapuskan
- III** Dicatatkan di sebelah kredit Akaun Untung Rugi
- IV** Direkodkan dalam aset semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

16 Maklumat berikut diambil daripada baki buku perakaunan Kedai Buku Hayjazz:

Butir	30 Jun 2024	30 Jun 2025
Alatan pejabat	40 000	40 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	2 000	?

Maklumat tambahan:

Kedai Buku Hayjazz mengamalkan polisi susut nilai alatan pejabat dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Hitungkan susut nilai terkumpul alatan pejabat pada 30 Jun 2025.

- A** RM2 000
- B** RM4 000
- C** RM6 000
- D** RM8 000

- 17 Kedai Elektrik HH telah membeli sebuah kenderaan bernilai RM50 000 pada 1 Januari 2023. Kenderaan telah disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember. Pada 1 Julai 2025 kenderaan tersebut telah dijual dengan harga RM32 000 dan cek telah diterima.

Pilih perekodan yang betul bagi Akaun Pelupusan Kenderaan.

A Akaun Pelupusan Kenderaan					
2025		RM	2025		RM
Julai 1	Kenderaan	50 000	Julai 1	Susut nilai terkumpul kenderaan	11 525
				Bank	32 000
				Untung pelupusan	6 475
		<u>50 000</u>			<u>50 000</u>

B Akaun Pelupusan Kenderaan					
2025		RM	2025		RM
Julai 1	Kenderaan	50 000	Julai 1	Susut nilai terkumpul kenderaan	11 525
				Bank	32 000
				Rugi pelupusan	6 475
		<u>50 000</u>			<u>50 000</u>

C Akaun Pelupusan Kenderaan					
2025		RM	2025		RM
Julai 1	Susut nilai terkumpul kenderaan	11 525	Julai 1	Kenderaan	50 000
	Bank	32 000			
	Untung pelupusan	6 475			
		<u>50 000</u>			<u>50 000</u>

D Akaun Pelupusan Kenderaan					
2025		RM	2025		RM
Julai 1	Susut nilai terkumpul kenderaan	11 525	Julai 1	Kenderaan	50 000
	Bank	32 000			
	Rugi pelupusan	6 475			
		<u>50 000</u>			<u>50 000</u>

- 18 Antara berikut, yang manakah kesilapan ketara?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan terbalik
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan pindahan

- 19 Maklumat berikut diambil daripada petikan Imbangan Duga terselaras perniagaan Kedai Alat Tulis Gemilang.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025		
	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	50 000	
Belanja susut nilai kenderaan	5 000	
Jualan		90 800
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 000
Sewa	24 000	
Tunai	1 200	
Akaun Belum Terima	12 800	
Akaun Belum Bayar		23 400
Sewa prabayar	2 000	
Bank		1 500
Simpanan tetap	30 000	

Maklumat Tambahan:

Inventori pada 30 Jun 2025 dinilai RM23 900 pada harga kos dan RM19 990 pada pasaran.

Berapakah modal kerja pada 30 Jun 2025?

- A RM64 990
 - B RM45 000
 - C RM41 090
 - D RM25 010
- 20 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hadif.

	RM
Inventori purata	2 000
Untung kasar	56 800
Jualan bersih	98 200

Hitung kadar Pusing Ganti Inventori.

- A 20.70 kali
- B 28.40 kali
- C 49.10 kali
- D 77.50 kali

- 21 Apakah yang menyebabkan rekod perakaunan Butik Damia tidak lengkap?
- A Pemilik tidak dapat menentukan untung bersih perniagaan
 - B Pemilik tidak dapat merancang perbelanjaan dengan baik
 - C Pemilik tidak menyimpan dokumen secara sistematik
 - D Pemilik tidak dapat mengesan kesilapan yang dibuat
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Tan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

Penyata mengira modal pada 1 Januari 2025

	RM
P	55 500
Tolak Q	15 500
	40 000

Apakah butiran **P** dan **Q**?

- A Hasil dan belanja
 - B Aset dan liabiliti
 - C Modal akhir dan modal awal
 - D Aset semasa dan liabiliti semasa
- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Darren Trading pada 30 Jun 2025.

	RM
Inventori	8 000
Bank	850 (kt)
Akaun Belum Terima	17 250
Akaun Belum Bayar	9 200
Alatan pejabat	34 610
Insurans prabayar	450
Modal 1 Julai 2024	37 090

Berapakah untung bersih perniagaan jika ambilan ialah RM4 000?

- A RM17 170
- B RM18 870
- C RM82 450
- D RM92 150

24 Sistem kawalan tunai diamalkan bertujuan untuk memastikan perniagaan

- A Mendapat keuntungan
- B Memperoleh jualan yang maksimum
- C Menyimpan tunai yang banyak di tangan
- D Mempunyai aliran tunai yang mencukupi

25 Berikut merupakan petikan Buku Tunai dan Penyata Bank bagi Muhsin Enterprise.

Buku Tunai (petikan)					Kredit
	Tarikh	Butiran	No. Cek	Tunai RM	Bank RM
	2025 Mac 22	Lengkapan	123456		1 720

Penyata Bank (petikan)					
Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2025 Mac 22	Cek	123456	1 270		

Catatan yang manakah perlu dilakukan untuk mengemas kini Buku Tunai tersebut?

A Debit Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2025 Mac 31	Lengkapan			450

B Buku Tunai (petikan) Kredit

	Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
	2025 Mac 31	Lengkapan			450

C Debit Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
2025 Mac 31	Lengkapan			1 270

D Buku Tunai (petikan) Kredit

	Tarikh	Butiran	Folio	Tunai RM	Bank RM
	2025 Mac 31	Lengkapan			1 270

26 Antara berikut, yang manakah butir penerimaan dalam Belanjawan Almi Deko?

- I Gaji pekerja
- II Insurans
- III Jualan mesin pencetak
- IV Faedah simpanan tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Antara berikut, manakah berkaitan Akta Perkongsian 1961.

- A Faedah atas pinjaman adalah 8% setahun
- B Faedah atas pinjaman adalah 10% setahun
- C Untung dibahagikan mengikut nisbah 1:2
- D Untung dibahagikan mengikut nisbah modal

28 Maklumat di bawah diambil daripada buku perkongsian Siti dan Abu pada 30 April 2025. Pekongsi bersetuju bahawa untung atau rugi perkongsian dibahagi sama rata antara pekongsi.

	RM
Faedah atas ambilan	180
Faedah atas modal	8 000
Elaun Siti sebulan	200
Untung bersih	24 000

Hitung untung yang diterima setiap pekongsi.

- A RM15 810
- B RM14 710
- C RM6 890
- D RM7 990

- 29 Alya dan Danish ialah pekongsi kepada Perkongsian ALDA. Berikut ialah maklumat yang diambil daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2024.

	Alya RM	Danish RM
Akaun Semasa 1 Januari 2024	8 679	7 453
Akaun Modal 1 Januari 2024	20 000	15 000
Rugi	6 454	3 227

Maklumat tambahan:

- (i) Faedah atas modal 5% setahun.
(ii) Gaji Alya RM3 600 setahun dan telah menerima bayaran RM2 000 pada 1 Ogos 2024.

Manakah catatan yang betul pada Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 31 Disember 2024 ?

A Ekuiti Pemilik

Akaun Modal Alya	21 000	
Akaun Modal Danish	15 750	
		36 750
Akaun Semasa Alya	4 825	
Akaun Semasa Danish	4 976	
		9 801

B Ekuiti Pemilik

Akaun Modal Alya	20 000	
Akaun Modal Danish	15 000	
		35 000
Akaun Semasa Alya	4 825	
Akaun Semasa Danish	4 976	
		9 801

C Ekuiti Pemilik

Akaun Modal Alya	20 000	
Akaun Modal Danish	15 000	
		35 000
Akaun Semasa Alya	17 733	
Akaun Semasa Danish	11 430	
		29 163

D Ekuiti Pemilik

Akaun Modal Alya	21 000	
Akaun Modal Danish	15 750	
		36 750
Akaun Semasa Alya	17 733	
Akaun Semasa Danish	11 430	
		29 163

- 30** Jumlah aset sebuah perkongsian ialah RM23 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM1 450. Dalam proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM 20 800. Kos pembubaran berjumlah RM360.

Hitung rugi realisasi.

- A** 390
 - B** 1 110
 - C** 1 840
 - D** 2 560
- 31** Pernyataan manakah yang menerangkan ciri syer biasa?
- A** Kadar dividen tidak tetap
 - B** Dividen dibayar terlebih dahulu
 - C** Berhak menerima tunggakan dividen
 - D** Tiada hak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan

- 32** Maklumat berikut berkaitan modal Syarikat Himalaya Berhad.

Modal diterbitkan

1 500 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer

1 500 000 unit syer keutamaan RM2.00 sesyer

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah nilai modal yang diterbitkan?

- A** RM3 000 000
- B** RM4 500 000
- C** RM7 500 000
- D** RM10 000 000

- 33** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Sunny Berhad pada 30 November 2024.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

600 000 unit 10% Syer Keutamaan RM1 800 000

500 000 unit Syer Biasa RM1 000 000

Lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen Syer Biasa pada kadar 25 sen sesyer.

Berapakah jumlah Dividen Akhir Syer Biasa?

- A** RM45 000
- B** RM125 000
- C** RM250 000
- D** RM450 000

- 34** Maklumat berikut menunjukkan penerimaan dan pembayaran Kelab Penduduk Taman Permata sepanjang bulan Mei 2025.

	RM
Baki 1 Mei 2025	200

Penerimaan

Yuran	200
Derma	120
Yuran masuk	150

Pembayaran

Alat tulis	40
Belanja am	20
Perabot baru	250

Berapakah baki Akaun Penerimaan dan Pembayaran pada 31 Mei 2025?

- A** RM160
 - B** RM360
 - C** RM410
 - D** RM470
- 35** Yuran belum terima pada tahun lepas yang dihapuskan dalam tahun semasa kerana tidak dapat dikutip dikenal sebagai
- A** Yuran lapuk
 - B** Yuran semasa
 - C** Yuran terpulih
 - D** Yuran belum terperoleh

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memasak Dinamik.

	1 Jul 2024	30 Jun 2025
	RM	RM
Kadar bayaran belum bayar	500	1 000
Buku Tunai (petikan)		
		RM
	Kadar bayaran	6 000

Berapakah belanja kadar bayaran yang ditunjukkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2025?


- A RM5 500
 - B RM6 500
 - C RM7 000
 - D RM7 500
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Futsal & Fitness Staz.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (petikan)	
	RM
Dana Terkumpul Awal	12 000
S	4 500
Dana Terkumpul Akhir	16 500

Apakah S?

- A Lebihan
- B Kurangan
- C Rugi bersih
- D Untung bersih

38



Rajah di atas menunjukkan komponen kos pengeluaran. Apakah M dan N?

	M	N
A	Kos Prima	Kos Overhed
B	Belanja Langsung	Kos Overhed
C	Belanja Langsung	Kerja Dalam Proses Awal
D	Kerja Dalam Proses Awal	Kerja Dalam Proses Akhir

39 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Jubin Johor.

	RM
Gaji operator pengeluaran	10 300
Kos bahan mentah	20 500
Susut nilai mesin	23 800
Barang siap	14 860

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

- A RM30 800
- B RM45 660
- C RM54 600
- D RM69 460

- 40** Kilang Champion mengeluarkan sabun pencuci pakaian yang dijual di pasaran dengan harga RM22.50 sebotol. Kos yang terlibat dalam mengeluarkan 5 000 botol sabun pencuci pakaian adalah seperti berikut :

Kot tetap	RM25 000
Kos berubah sebotol	RM5.50

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Champion?

- A** RM52 500
- B** RM60 000
- C** RM85 000
- D** RM87 500

KERTAS SOALAN TAMAT